

17/07/2000

Pegawai tentera Malaysia dibebaskan

PEKAN, Ahad - Pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Lt Komander Aminuddin Abdul Rashid yang dibebaskan oleh anggota Barisan Revolusi Bersatu (RUF) di Sierra Leone, semalam, kini dalam keadaan selamat.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Aminuddin yang dikepung anggota RUF sejak Mei lalu, diselamatkan oleh pasukan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada jam 5 pagi waktu Sierra Leone.

"Beliau dalam keadaan selamat, tiada sebarang kecederaan dan kini berada di Freetown (Sierra Leone)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Membahaskan Ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Merasmi dan Menutup Perhimpunan Agung Umno lalu, di sini, hari ini.

Dengan pembebasan Aminuddin menjadikan ketiga-tiga anggota tentera pemerhati Malaysia yang ditahan dibebaskan. Dua lagi yang dibebaskan sebelum ini ialah ketua pemerhati Lt Kol Hamzah Bachik dan Mejar Ganesh a/l Jaganathan.

Aminuddin ialah antara 222 anggota pemerhati tentera PBB di Sierra Leone (UNAMSIL), dan 11 pemerhati dari pelbagai negara yang diselamatkan dalam operasi pembebasan itu.

Mengenai dakwaan parti pembangkang konon kejadian di Sauk, Perak, baru-baru ini adalah sandiwara Umno, Najib menyifatkan ia tidak masuk akal.

"Ini adalah satu dakwaan yang palsu, satu pembohongan yang amat besar dan satu perkara yang tidak masuk akal sama sekali," katanya.

(END)